

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

**JMK416/JMK514 – Kajian Perbandingan Genre Kesusasteraan
Terpilih**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA (5)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

- 2 -

Pilih dan jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Kajian perbandingan genre membuka ruang dan peluang untuk para pelajar menghayati karya-karya terpilih yang mewakili pelbagai tradisi kesusasteraan. Bagaimanakah teks kajian terpilih dalam kursus JMK ini dapat diketengahkan kepada masyarakat dan memberi manfaat kepada mereka?
(25 markah)

2. Puisi-puisi Hamzah Fanzuri membawa falsafah cinta dengan ajaran Wahdat al-wujud yang menggambarkan ketinggian ilmu dan pemikiran dalam tradisi kesusasteraan Islam. Ajaran sufi berkenaan merujuk **EMPAT (4)** peringkat/maqam iaitu syariat, tarekat, hakikat dan makrifat yang berhubung langsung dengan persoalan ketuhanan serta bermatlamat menghidupkan cinta kasih kepada Allah SWT. Bincangkan dengan merujuk puisi yang diberi (Lampiran A).
(25 markah)

3. *Dewi Putih* karangan Ren Shau Dzeng dapat dianggap sebagai salah sebuah karya kesusasteraan dalam bentuk prosa yang mewakili tradisi kesusasteraan China. Dalam teks tersebut persoalan budaya, mistisisme dan estetika amat menyerlah. Bincangkan.
(25 markah)

4. Kenneth Yasuda menyebut Haiku sebagai atau pengalaman estetik yang mencantumkan antara alam dan pengalaman cinta. Bincangkan ciri-ciri yang disebut oleh Kenneth Yasuda dalam Haiku yang diberi (Lampiran B).
(25 markah)

5. Hikayat *Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu* penuh dengan kaitan sejarah, andaian, kontradiksi dan kontroversi. Namun demikian, tidak dinafikan bahawa teks-teks berkenaan menjadi khazanah yang merakam budaya hidup masyarakat Melayu lama. Bincangkan aspek-aspek budaya Melayu yang berkaitan dengan sejarah, andaian, kontradiksi dan kontroversi yang terdapat dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu.

...3/-

- 3 -

6. Tradisi kesusasteraan China purba khususnya memaparkan falsafah Daoisme. Lima ciri kesusasteraan Daoisme ialah menerangkan penderitaan hidup duniawi, melukiskan dunia khayalan yang indah-indah, adanya penceritaan tentang dewa dewi kayangan, menerangkan teknik-teknik sakti dan menerangkan ajaran agama daoisme. Ciri-ciri berkenaan amat jelas terakam dalam *Dewi Putih*.

Pilih tiga daripada lima ciri berkenaan dan bincangkan.

(25 markah)

Tuhan kita yang bernama Qadim
Pada sekalian makhluk terlalu *karim*
Tanda-Nya qadir lagi dan hakim
Menjadikan alam daripada Ar-Rahman Ar-Rahim

Rahman itulah yang bernama sifat
Tiada bercerai dengan kunhi Dzat
Dzat di sana perhimpunan sekalian ibarat
Itulah haqiqat yang bernama *ma'lumat*

Rahman itulah yang bernama wujud
Keadaan Tuhan yang sedia *ma'bud*
Kenyataan Islam Nasrani dan Yahud
Dari Rahman itulah sekalian maujud

Ma'bud itulah yang bernama *haqiq*
Sekalian alam di dalamnya *ghariq*
Olehnya itulah sekalian *fariq*
Pada kun hinya itu tiada beroleh *thariq*

(Hamzah Fansuri, "Minuman Para Pencinta".1995:113)

Panduan Istilah Arab;

Daim-tetap

Fariq-golongan

Karim-mulia

Ma'lumat-memaklumkan

Qadir- kuasa

Kunhi- esensi

Ma'bud-Tuhan yang wajib disembah

Yahud-yahudi

Bayan-penjelasan

Haqiq-nyata

Ghariq -terbenam

Thariq-jalan

From far Hot spring Hills
All the way to windy Beach –
How cool the evening view!

The river Mogami
Has drowned the hot, summer sun
And sunk it in the sea!

How hot the sun glows,
Pretending not to notice
And autumn wind blows!

All through the night
I listened to the autumn wind
In the lonely hills.

(A Haiku Journey, Basho's Narrow Road to a Far Province.1974:68,75 &79)